

wanita itu dengan sebaik-baiknya. Kemudian setelah memerdekakannya, dia mengahwininya.¹⁰⁰ Orang ini (juga) mendapat dua (kali ganda) pahala.” (Bukhari-Muslim).¹⁰¹

Perintah Memerangi Orang-Orang Kafir Harbi

١٠- وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَيَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ - متفق عليه. إلا أن مسلماً لم يذكر ((إلا بحق الإسلام)).

10- Ibnu `Umar meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Aku diperintah supaya memerangi manusia¹⁰² sehingga mereka bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad itu adalah utusan

yang tinggi kepada hambanya dengan tujuan komersial. Tujuannya tidak lain melainkan untuk menjadikan hamba sahaya wanitanya itu seorang manusia merdeka yang sempurna ilmu pengetahuan dan peribadinya. Itulah sebabnya tuanmas seperti ini diberikan ganjaran berganda untuk setiap amalan kebajikan yang dilakukannya.

¹⁰⁰ Ketika sistem perhambaan berleluasa di dunia ini, hamba merupakan satu bentuk harta kekayaan. Orang yang memiliki hamba adalah orang yang berharta. Semakin ramai hamba dipunyai, bererti semakin kayalah dia. Orang yang memerdekakan hamba pula adalah orang yang mengorbankan sebahagian daripada hartanya. Islam menyanjung tinggi orang-orang yang memerdekakan hamba semata-mata kerana Allah s.w.t. Pada pandangan masyarakat yang hidup dalam sistem perhambaan, seseorang hamba meskipun telah dimerdekakan, tetap rendah tarafnya berbanding orang yang tidak pernah menjadi hamba. Kerana itu, berkahwin dengan bekas hamba bererti menjatuhkan darjat sendiri. Maka jarang sekali ada orang yang berani tampil mengahwini hamba atau bekas hamba di zaman itu. Berdasarkan hadits di atas, manusia dari jenis ketiga ini juga termasuk dalam orang-orang yang mendapat pahala berganda-ganda apabila melakukan sesuatu amalan kebaikan. Sebabnya ialah dia telah sanggup melakukan suatu perkara yang sangat mulia demi mengangkat darjat kemanusiaan. Suatu tindakan yang jarang sekali orang berani melakukannya.

¹⁰¹ Selain Bukhari dan Muslim, hadits ini turut diriwayatkan juga oleh Tirmizi, Abu Daud, Nasaa'i dan Ibnu Majah.

¹⁰² Manusia yang diperintah supaya diperangi itu bukan sekalian manusia, tetapi orang-orang kafir dan musyrikin yang jelas sangat permusuhanannya dengan orang-orang Islam atau dengan kata lain kafir harbi. Mereka sahaja sebenarnya yang diperintah oleh Allah akan RasulNya supaya diperangi. Antara buktinya ialah hadits Nasaa'i berikut: (aku diperintah supaya memerangi orang-orang musyrikin). Hadits Muslim berikut juga menunjukkan perkara yang sama: مَنْ وَحَدَّ اللَّهُ وَكَفَرَ بِمَا يُعْبَدُ مِنْ دُونِ اللَّهِ حَرَّمَ مَالَهُ وَدَمُهُ وَحِسَابُهُ عَلَى اللَّهِ (orang yang mengesakan Allah dan kufur terhadap apa-apa yang disembah selain Allah, haram harta benda dan darahnya. Soal hati mereka, itu terserah kepada Allah.

Allah,¹⁰³ mendirikan sembahyang¹⁰⁴ dan memberikan zakat. Apabila mereka melakukan semua yang tersebut itu, bererti terpeliharalah darah dan harta benda mereka

¹⁰³ Maksud aku diperintah ialah oleh Allah. Kerana tidak ada yang memerintah atau menyuruh Rasulullah s.a.w. melakukan sesuatu selain Allah. Kemusykilan timbul kerana perintah itu zahirnya terhenti setakat dua tiga perkara yang tersebut di dalam hadits ini sahaja, iaitu mengucap dua kalimah syahadah, bersembahyang dan berzakat. Apabila tiga perkara ini dilaksanakan, seolah-olahnya tidak ada lagi perintah Allah itu. Walaupun dengan meninggalkan ajaran-ajaran dan tuntutan-tuntutan agama Islam yang lain. Darah dan harta benda seseorang yang melaksanakan tiga perkara itu sahaja sudah dijamin terpelihara daripada tindakan dan hukuman pihak pemerintah Islam. Ia tidak boleh diganggu-gugat lagi selepas itu. Jawapan kepada kemusykilan ini ialah: (1) Di bawah kesaksian terhadap kerasulan Muhammad s.a.w. sudah pun termasuk membenarkan segala apa (ajaran) yang dibawa Baginda. Jadi tidak timbul soal menafikan ajaran-ajaran Islam yang lain selain tiga perkara yang tersebut di dalam hadits ini. Justeru Islam seseorang itu baru dikira sah apabila ia secara umumnya menerima dan membenarkan kesemua perintah Allah dan RasulNya. Maksud hadits kesepuluh ini sebenarnya ialah "Aku diperintah supaya memerangi manusia sehingga mereka memeluk agama Islam sepenuhnya. Setelah memeluk agama Islam sepenuhnya, terpeliharalah darah dan harta benda mereka". (2) Rangkai kata "إلا بحق الإسلام" mengecualikan keterpeliharaan darah dan harta benda mereka jika hak-hak atau tuntutan-tuntutan Islam yang lain dicerobohi. Setelah melaksanakan tiga perkara yang tersebut di dalam hadits di atas, jika seseorang membunuh, dia akan diqisas. Jika mencuri, tangannya akan dipotong, jika menuduh seseorang berzina tanpa mengemukakan saksi, dia akan disebat lapan puluh sebatan dan jika harta orang dirosakkan, dia mestilah membayar ganti ruginya. Pemerintah Islam akan melaksanakan semua hukuman tersebut atas dasar hak yang diterima Islam dicerobohi. Hak-hak yang diakui dan diterima Islam untuk dini'mati penganut-penganutnya dan orang-orang kafir yang bernaung di bawah pemerintahan Islam dalam contoh-contoh yang penulis kemukakan itu ialah hak untuk hidup, hak memiliki harta dan hak untuk hidup dalam masyarakat secara terhormat dan bermaruah. Hukuman-hukuman terhadap pencerobohan ke atas hak-hak itu tersebut dengan jelas di dalam al-Qur'an dan as-Sunnah.

¹⁰⁴ Antara ma'na mendirikan sembahyang yang disebut oleh para 'ulama' ialah: (1) Menunaikan sembahyang dengan cukup rukun dan syaratnya. (2) Menunaikan sembahyang dengan cukup rukun dan syaratnya secara berkekalan dan berterusan. (3) Menunaikan sembahyang tanpa rasa jemu dan malas di samping sentiasa berusaha menyempurnakannya. (4) Mengerjakan sembahyang yang difardhukan dengan sebaik mungkin. Perkataan "mendirikan sembahyang" yang tersebut di dalam hadits ini tidak bererti sembahyang itu hanya harus di kerjakan dalam keadaan berdiri sahaja atau perbuatan sembahyang itu hanya dalam bentuk berdiri sahaja. **Penggunaan perkataan ini sebenarnya** adalah berdasarkan satu qaedah Majaaz Mursal dalam ilmu Balaghah. Qaedah itu berbunyi: إطلاق الجزء وإرادة الكل (Menyebutkan satu bahagian sahaja daripada sesuatu benda atau perkara, padahal yang dimaksudkan ialah kesemua sekali benda atau perkara itu). Sesetengah 'ulama' menyimpulkan hukum bunuh terhadap orang-orang yang meninggalkan sembahyang daripada hadits ini. Sama ada kerana mereka telah menjadi murtad dengan sebab meninggalkan sembahyang atau kerana adanya hukuman had iaitu dibunuh, jika tetap tidak mahu bersembahyang setelah dinasihati atau didera. Walaupun mereka tidaklah menjadi kafir atau murtad dengan sebab meninggalkan sembahyang itu. Ibnu Daqiq al-'Id membantah kesimpulan yang dibuat oleh sesetengah 'ulama' itu dengan alasan di dalam hadits ini tidak tersebut perkataan قتل (bunuh)

untuk disimpulkan hukum bunuh daripadanya. Yang ada ialah perkataan أَقَاتِل . Ia berpunca daripada perkataan قَاتِل dan مَقَاتِلَة (memerangi, melawan, menghalang, menyekat dan sebagainya). Kata beliau: لا يلزم من إباحة المقاتلة عليها إباحة القتل عليها لأن المقاتلة مفاعلة تستلزم وقوع القتال من (tidak semestinya apabila ada keharusan muqatalah (memerangi) kerana meninggalkan sembahyang ada juga keharusan membunuh القتل kerana meninggalkannya. Ini kerana di dalam perkataan قَاتِل dan مَقَاتِلَة itu terkandung ma'na perlawanan di antara dua pihak. Tidak begitu keadaannya dengan perkataan القتل). Imam Baihaqi pula menukilkan pendapat asy-Syafi'e bahawa beliau ada berkata: ليس القتال من القتل بسبيل فقد يحل قتال الرجل ولا يحل قتله (Qital tiada kena mengena langsung dengan qatl (pembunuhan). Kadang-kadang kita harus memerangi seseorang, tetapi tidak harus pula kita membunuhnya). Perkataan qital telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri di dalam sekian banyak haditsnya. Tetapi tidak pula ia memberi erti membunuh sama sekali. Sebagai contoh lihat saja dua hadits berikut ini: (1) Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepada Sa'ad: أَقَاتِلْ أَيْ سَعِدُ إِنِّي لَا أُعْطِي الرَّجُلَ Maksudnya: Engkau hendak melawankah wahai Sa'ad? Sesungguhnya aku hendak memberikan kepada orang itu. (Muslim). Perkataan qital di dalam hadits ini langsung tidak sesuai dipakai dengan ma'na membunuh. (2) Abu Sa'id al-Khudri r.a. meriwayatkan, katanya: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنَ النَّاسِ فَأَرَادَ أَحَدٌ أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلْيَذْفَعْهُ فَإِنَّ أَبِي فَلْيَقَاتِلْهُ فَإِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ Bermaksud: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu bersembahyang dengan menjadikan sesuatu sebagai sutrahnya (penghadangnya) dari dilintasi orang, maka jika ada sesiapa yang mahu melintas di hadapannya, dia hendaklah menghalangnya. Kalau dia mahu melintas juga maka hendaklah dihalangnya lagi dengan lebih keras, kerana orang yang hendak melintas juga itu (walaupun telah dihalang) sebenarnya adalah syaitan.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Nasaa'i, Abu Daud dan lain-lain). Di dalam hadits ini juga perkataan فَلْيَقَاتِلْهُ tidak harus dipakai dengan erti membunuh. Orang yang meninggalkan sembahyang pula tidak menjadi kafir dan murtad. Ia juga tidak dikenakan hukuman had bunuh seperti disimpulkan oleh sesetengah 'ulama' daripada hadits ini. Antara hadits yang membuktikan orang yang meninggalkan sembahyang itu tidak kafir dan murtad ialah hadits berikut ini: 'Ubaadah bin as-Shaamit meriwayatkan, katanya: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ خَمْسُ صَلَوَاتٍ كَتَبَهُنَّ اللَّهُ عَلَى الْعِبَادِ فَمَنْ جَاءَ بِهِنَّ لَمْ يُضَيَّعْ مِنْهُنَّ شَيْئًا اسْتِخْفَافًا بِحَقِّهِ كَانَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ أَنْ يَدْخُلَهُ الْجَنَّةَ وَمَنْ لَمْ يَأْتِ بِهِنَّ فَلَيْسَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ إِنْ شَاءَ عَذْبُهُ وَإِنْ شَاءَ أَدْخَلَهُ الْجَنَّةَ Maksudnya: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Allah mewajibkan lima sembahyang ke atas hamba-hambaNya. Sesiapa yang mengerjakannya, tidak mensia-siakannya dan tidak juga meremehkannya, Allah jamin akan memasukkannya ke dalam syurga. Sesiapa yang tidak mengerjakannya pula, tiada jaminan untuknya di sisi Allah. Keadaannya terpulang kepada Allah, sama ada akan menyiksanya atau memasukkannya ke dalam syurga. (Malik, Ibnu Abi Syaibah, 'Abdur Razzaq, Sa'id bin Manshur, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Daarimi, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan lain-lain). Hadits ini menunjukkan kedudukan orang yang meninggalkan sembahyang itu bergantung kepada masyi'ah (kehendak) Allah. Apa ertinya Allah memasukkannya ke dalam syurga jika ia telah menjadi kafir atau murtad kerana meninggalkan sembahyang?! Bukankah syurga itu diharamkan kepada orang kafir? Antara dalil yang membuktikan orang yang meninggalkan sembahyang itu tidak dikenakan had bunuh pula ialah hadits berikut ini: 'Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan, katanya: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَحِلُّ ذَمُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَّا بِأَحَدٍ ثَلَاثٍ النَّفْسِ بِالنَّفْسِ وَالتَّيْبِ الرَّائِي Maksudnya: Rasulullah s.a.w. bersabda: Tidak halal darah seseorang muslim yang bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa aku adalah utusan

daripadaku kecuali dengan hak Islam. Soal hati mereka, itu terserah kepada Allah.”¹⁰⁵ (Bukhari-Muslim).¹⁰⁶ Tetapi Muslim tidak ada menyebutkan “kecuali dengan hak Islam”.

Siapakah Muslim (Orang Islam)?

١١ - وَعَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ صَلَّى صَلَاتَنَا وَاسْتَقْبَلَ قِبْلَتَنَا وَأَكَلَ ذَيْحَتَنَا

فَذَلِكَ الْمُسْلِمُ الَّذِي لَهُ ذِمَّةُ اللَّهِ وَذِمَّةُ رَسُولِهِ فَلَا تُخْفَرُوا اللَّهَ فِي ذِمَّتِهِ - رواه البخاري.

11- Anas bin Malik meriwayatkan, katanya: “Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa bersembahyang seperti kita,¹⁰⁷ menghadap ke arah qiblat kita (ketika bersembahyang

Allah, melainkan dengan (ia melakukan) salah satu daripada tiga perkara ini: Pertama, Membunuh orang. Kedua, Berzina padahal telah Muhsan. Dan ketiga: Keluar agama dengan meninggalkan jama'ah. (Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Ibnu Majah dan lain-lain). Hadits ini menyebutkan hanya ada tiga keadaan di mana seseorang muslim itu halal dibunuh. Tidak termasuk di dalamnya orang yang meninggalkan sembahyang.

¹⁰⁵ Maksudnya ialah kita diperintah berurusan dengan seseorang berdasarkan zahirnya. Jika zahirnya Islam, dia akan kita layan sebagai orang Islam dan jika zahirnya bukan Islam, maka kita akan melayaninya sebagai bukan Islam. Biar bagaimana sekalipun batin seseorang yang anda hadapi, itu tidak perlu diambil kisah. Soal batin dan hati, itu terserah kepada Allah jua. **Antara pengajaran yang dapat diambil** daripada hadits ini ialah: (1) Mengucap dua kalimah syahadah merupakan syarat untuk diterima seseorang sebagai muslim. (2) Orang-orang yang meninggalkan sembahyang dan zakat harus diperangi. (3) Islam melindungi nyawa, harta benda dan kehormatan penganut-penganutnya. (4) Segala hukum-hakam berlaku berdasarkan zahir. Soal hati terserah kepada Allah jua. (5) Orang-orang yang telah mengucap dua kalimah syahadah, bersembahyang dan memberi zakat tetap terikat dengan hukum-hakam Islam yang lain. (6) Besarnya kedudukan sembahyang dan zakat dalam agama Islam. Sembahyang merupakan ibadat badaniyyah (yang berkaitan dengan badan) dan zakat merupakan ibadat maliyyah (yang berkaitan dengan harta). (7) Mengucap dua kalimah syahadah dengan penuh yakin sudah memadai untuk seseorang itu masuk ke dalam agama Islam. Tidak wajib atasnya mempelajari dalil-dalil mutakallimin untuk mengenal Allah.

¹⁰⁶ Selain Bukhari dan Muslim, hadits ini turut diriwayatkan juga oleh Ahmad, Nasaa'i, Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah dan lain-lain.

¹⁰⁷ Orang yang bersembahyang seperti kita tentunya orang yang menerima ketauhidan Allah dan kenabian Muhammad s.a.w. Apabila seseorang itu menerima kenabian Muhammad, bererti dia menerima segala apa yang dibawa Baginda s.a.w. daripada Allah s.w.t. Kerana itulah sembahyang dijadikan tanda keislamannya. Ucapan dua kalimah syahadah tidak disebut oleh Nabi s.a.w. di dalam hadits ini kerana ia sudahpun ada di dalam sembahyang. Kalimah ini juga tidak sentiasa disebut seseorang dengan suara yang keras. Pendek kata ia suatu yang tidak ketara kepada umum. Berbeda dengan sembahyang kerana pada hari pertama pertemuan anda dengan seseorang lagi dapat anda menyaksikan sama ada ia bersembahyang atau tidak.